

# Rusia iktiraf sumbangan sains Dr. Mahathir

UM 10 JUN 2000

**MOSCOW** Russia  
Svet Zakharov

PADA Khamis lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerima gelaran Ahli Akademik dari Akademi Sains Alami Rusia dalam satu upacara di Kedutaan Besar Malaysia di Moscow.

Upacara penyampaian dilakukan oleh Presiden Akademi, Kuznetsov Oleg Leonidovich, kepada Datuk Yahya Baba, Duta Besar Malaysia ke Rusia yang menerimanya bagi pihak Perdana Menteri.

Anugerah itu adalah dalam bentuk dua buah diploma dan sebuah tanda jasa untuk disampaikan kemudian kepada Dr. Mahathir.

Upacara itu dihadiri oleh wakil Timbalan Pengerusi Kerajaan Persekutuan Rusia, Viktor Lysikov, anggota akademi, para pegawai kanan Kementerian Luar Persekutuan Rusia, pimpinan Dana Kerjasama Rusia-ASEAN, para duta besar negeri-negeri ASEAN di Moscow dan para usahawan.

Dalam pidatonya, Kuznetsov menyatakan bahawa peranan Dr. Mahathir dalam perkembangan sains, teknologi tinggi, pendidikan dan perekonomian.

Begitu juga jasanya dalam melancarkan kerjasama dengan Rusia dihargai tinggi dalam kalangan sa-

ins dan ahli perniagaan di Rusia.

Rusia, kata beliau juga mengiktiraf sumbangan besar Dr. Mahathir dalam mengatasi krisis kewangan rantau kawasan Asia Pasifik.

Mengingat jasa ini, dan saranan Dana Kerjasama Rusia-ASEAN maka Presiden Akademi Sains Alami Rusia mengambil keputusan untuk menganugerahkan kepada Dr. Mahathir dengan gelaran tinggi "Anggota Akademi Sains Alami Rusia, Jurusan Antarabangsa dalam hal ehwal masalah-masalah ASEAN dan Asia Pasifik. Selain itu beliau juga dianugerahkan Bintang Jasa Akademi "atas sumbangan istimewa dalam perkembangan ekonomi dan sains".

Dalam pidato Kuznetsov, dicatat juga bahawa kata sepakat Dr. Mahathir untuk menerima gelaran dan tanda jasa itu merupakan suatu penghormatan besar bagi akademi dan kalangan ahli sains Rusia.

Kata sepakat itu merupakan simbol penting perluasan kerjasama sa-

ling menguntungkan antara kedua negara dan menjadi perangsang tambahan mengembangkan hubungan ilmiah antara organisasi sains Rusia dan Malaysia, demikian menurut Kuznetsov.

Sementara itu Datuk Yahya dalam ucapannya menyatakan bahawa penghargaan Dr. Mahathir terhadap ahli-ahli sains Rusia bermula sejak beliau baru menjadi Perdana Menteri pada tahun 80-an.

Sejak itu, menurutnya, beliau menunjukkan minat besar terhadap pencapaian ini dan yakin kerjasama rapat Rusia dan Malaysia serta ASEAN dalam bidang sains dan teknologi akan mendatangkan manfaat bersama.

Duta Besar Malaysia ke Rusia itu menyebut tentang pembelian kapal terbang MIG Rusia pada tahun 1994 dan penyertaan negara itu dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LI-MA).